

NO SOALAN : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

**TARIKH : 2.11.2015
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menjamin keselamatan negeri Sabah khususnya Pantai Timur Sabah jika perang sivil berlaku di Filipina.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Keselamatan negara perlu dilihat secara menyeluruh dengan mengambil kira keadaan geo-strategik serantau dan juga bentuk ancaman yang mungkin dihadapi pada masa kini serta pada masa hadapan.

~~Secara amnya pertahanan negara adalah berlandaskan~~
Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan Strategi Ketenteraan Nasional (SKN) yang mana memfokuskan kepada kepentingan negara (*national interests*) dari pelbagai sudut merangkumi keselamatan, ekonomi, sosial, agama, budaya dan sebagainya. Konsep Pertahanan Negara yang diterajui oleh ATM melalui pelaksanaan peranan dan perkembangan fasilitas serta aset pada masa kini adalah berpandukan kepada keperluan semua kepentingan ini.

Buat masa kini, lokasi penempatan / pengangkutan setiap trup serta aset ATM adalah seimbang dengan mengambil kira

bentuk ancaman yang mungkin dihadapi pada sebilangan masa.

Namun demikian, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berdasarkan kepada isu-isu keselamatan semasa di perairan Sabah sedang memperkuuhkan kesiapsiagaan aset dan penambahan trup di Sabah/Sarawak berpandukan kepada pelan pembangunan strategik ATM yang dikenali sebagai 4th Dimension Malaysian Armed Forces atau 4D MAF. Pelan berkenaan telah menggariskan jumlah formasi /pasukan serta aset-aset di negeri Sabah /Sarawak yang akan dipertingkatkan secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa pelan ini memerlukan jumlah perbelanjaan kewangan yang besar dan perlu dilaksanakan secara berperingkat mengikut RMK yang telah dikenalpasti serta ditetapkan.

ATM sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang ancaman di Negeri Sabah dan telah mengaturgerakkan trup dan aset tambahan bagi meningkatkan keupayaan ATM di negeri Sabah dan membantu ESSCOM melindungi Pantai Timur Sabah secara berperingkat mulai 26 Disember 2014. Aturgerak trup

dan aset tambahan ini melibatkan ketiga-tiga Perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Peranan utama ATM di Pantai Timur Sabah adalah untuk menentukan ancaman dan pencerobohan terbuka dari luar negara dapat dibendung dan dihalang. Bagi memenuhi peranan ini, pihak Kementerian Pertahanan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkuatkan pertahanan di kawasan ini. Sebagai contoh, salah satu inisiatif yang telah diambil oleh ATM pada masa kini ialah dengan mewujudkan Konsep *Sea Basing* di Perairan Timur Sabah, iaitu dengan penempatan dua Pangkalan Laut (PL) yang dikenali sebagai PL TUN SHARIFAH RODZIAH yang beroperasi di perairan Lahad Datu dan PL TUN AZIZAN yang beroperasi di perairan Sandakan.